

# Kenal pasti lubang biak aedes

Penglibatan masyarakat dalam program formula berkesan kawal penularan penyakit itu

**BANDAR SAUJANA PUTRA** - Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Langat dengan kerjasama pelbagai pihak dan komuniti Pangsapuri Impian di sini, menjalankan aktiviti kesedaran denggi dari rumah ke rumah dan pemasangan ubat nyamuk.

Pengerusi Combi Daerah Kuala Langat, Mohd Noor Ahmad berkata, antara program yang dijalankan termasuk 'Community Risk Assessment Programme' (Crap) dengan kerjasama komuniti Combi dan pihak PKD.

"Kita anjur program ini untuk kumpulkan masyarakat bersama komuniti Combi bagi kenal pasti tempat berisiko denggi dan lubang pembiakan aedes seperti longgokan sampah haram serta tayar buruk bersebelahan Tol Bandar Saujana Putra.

"Sepanjang program, kita jumpa jentik-jentik dan bertindak melupuskan kawasan teribat," katanya.

Mohd Noor berkata, pengguna-

an sejenis lingkaran ubat nyamuk yang dibangunkan Universiti Malaya iaitu Spokojan turut dipraktikkan komuniti Combi untuk membunuh nyamuk dewasa.

Sementara itu, Penolong Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Langat, Mohd Imran Abdul Wahab berkata, salah satu formula yang sangat berkesan dalam mengawal denggi adalah penglibatan masyarakat sendiri.


Menurutnya, isu denggi tidak akan selesai jika hanya melibatkan pihak PKD dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Beliau mengambil contoh program Combi yang dijalankan melibatkan pelbagai komuniti Combi di Kuala Langat sebenarnya membantu dalam mengurangkan kes denggi.

"Saya percaya, komitmen ini membuktikan kita sudah bersedia menghadapi gelombang trend kenaikan kes denggi yang dijangka akan berlaku pada hujung tahun ini," katanya.



Longgokan tayar terpakai yang dijumpai.



Mohd Noor turut mengedarkan risalah dari rumah ke rumah.



Penemuan barang terpakai yang berisiko tinggi menjadi tempat pembiakan aedes.



Sebahagian komuniti Combi menemui lokasi pembiakan aedes.



Wakil Combi SP4, Combi BDP, Combi Persatuan Anak-Anak Pantai Timur (Peranti), KRT Fasa Rumah Pangsa Impian dan Jawatankuasa Majlis Bertindak yang terlibat program dijalankan.



Sebahagian Komuniti Combi Pangsapuri Impian Bandar Saujana Putra.



Edaran risalah denggi dan abate kepada penduduk.